

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB PUAN NOORITA BINTI SUAL [TENOM]

TARIKH : 17 OGOS 2020 (ISNIN)

SOALAN

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah status dan perkembangan pembinaan Kompleks Sukan Daerah Tenom, memandangkan fasiliti kompleks sukan ini yang sudah tidak boleh digunakan lagi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) akan menaik taraf semula Kompleks Sukan Daerah Tenom, di mana pada waktu ini berada di peringkat penilaian untuk memuktamadkan skop projek. Justeru itu, kerja-kerja pembinaan bagi projek ini dijangka akan dapat dimulakan pada bulan Januari 2021 dan dijangka siap pada Julai 2022.

Sekian, terima kasih.